

---

## Pertalian Di Antara Lokus Kuasa dan Pencapaian Akademik Murid-Murid Sekolah Rendah

Maznah Ismail  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

---

The study attempted to examine the relationship between locus of control and academic achievement of 4723 standard three pupils from urban and rural schools drawn throughout the country. In addition, the study also looked at several background variables such as, health of the pupils, preschool education, parental guidance, and socio-economic status of the family and their relationship with locus of control.

The results supported the findings of other studies which reveal a positive relationship between internal locus of control and academic achievement. Further, background variables mentioned above were found to correlate significantly with internal orientation.

### Pengenalan

Peranan lokus kuasa (lokus of control) dalam berbagai aspek kehidupan manusia telah dikaji dengan luasnya di negara-negara Barat.

Seperti yang digunakan oleh Rotter dari sudut teori pembelajaran sosial, lokus kuasa merujuk kepada jangkaan seseorang itu terhadap punca pengukuhan, sama ada ianya bersifat luaran atau dalaman. Rotter (1966) berpendapat bahawa orang yang mempunyai lokus kuasa dalaman (internal locus of control) cenderung melihat akibat yang mereka terima adalah hasil tingkahlaku mereka sendiri. Sebaliknya mereka yang mempunyai lokus kuasa luaran (external locus of control) cenderung mempercayai bahawa ganjaran yang mereka terima berpunca dari luar diri mereka, misalnya berpunca dari orang lain atau nasib. Berdasarkan teori ini, hipotesis yang boleh dibuat ialah mereka dari golongan lokus kuasa dalaman kemungkinan lebih berusaha kerana mempercayai bahawa hasil perlakuan mereka bergantung kepada usaha mereka. Sementara itu mereka dari golongan lokus kuasa luaran mungkin kurang berusaha kerana mempercayai bahawa hasil yang mereka terima tidak berkaitan dengan usaha yang mereka laburkan.

Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa kecenderungan untuk mempercayai bahawa diri dapat mempengaruhi kejadian atau akibat yang seseorang itu alami adalah bertalian dengan tingkah laku dalam berbagai bidang hidup. Misalnya Lefcourt (1982) telah mengumpul hasil-hasil kajian yang memperlihatkan kanak-kanak yang berorientasikan lokus kuasa dalaman adalah lebih tajam pengamatannya, mempunyai lebih sifat ingin tahu dan lebih mahir memproseskan maklumat dari kanak-kanak yang bersifat lokus kuasa luaran. Kajian-kajian lain pula melaporkan kanak-kanak yang mempunyai orientasi dalaman lebih berjaya dalam pelajaran yang dirancang dan yang tak dirancang (Wolk & DuCette, 1974); lebih gigih mengerjakan tugas (Crandall & Rakan-rakan, 1962) dan lebih berupaya menahan tekanan luar (Phares, 1976). Bar-tal & Bar-Zohar (1977) menyimpulkan bahawa individu yang bersifat lokus kuasa dalaman mempunyai corak dorongan yang tertentu, iaitu mereka mempunyai lebih sifat inisiatif, lebih berusaha dan lebih tekun apabila menghadapi sesuatu tugas. Mereka juga cenderung memusatkan perhatian mereka kepada maklumat yang relevan kepada tugas yang dihadapinya dan menggunakan maklumat ini dengan berkesan. Dalam konteks bilik darjah di mana guru menggunakan strategi-strategi yang menggalakkan murid berusaha sendiri dan mendapat ganjaran yang setimpal dengan usahanya, murid-murid akan dapat melihat bahawa hasil pembelajaran mereka berkait dengan usaha mereka. Oleh itu kejayaan yang mereka capai bergantung kepada usaha mereka dan bukan kepada nasib atau kepada orang lain. Dalam keadaan ini ternyata kepada murid-murid akan pentingnya tindakan mereka untuk mencapainya sesuatu hasil.

Beberapa kajian telah menunjukkan pertalian yang positif di antara lokus kuasa dalaman dengan pencapaian akademik murid-murid. Misalnya Crandall, Katkovsky & Crandall (1965) mendapati markah ujian kemahiran asas dan gred peperiksaan sekolah murid-murid darjah 3 dan 5 berkait rapat dengan markat lokus kuasa dalaman mereka. Chance (1972) juga mendapati bahawa murid-murid darjah 3 dan 5 yang bersifat lokus kuasa dalaman mencapai markah yang lebih tinggi dalam ujian bacaan, kira-kira dan ejaan. Kajian Reid & Croucher (1980) yang dibuat kepada sekumpulan murid-murid sekolah rendah di Britain juga menunjukkan hasil yang serupa.

Dalam konteks tempatan, dalam satu kajian awal Maznah Ismail (1984) telah mendapati di kalangan sekumpulan murid-murid darjah 3, mereka yang mendapat markat lokus kuasa dalaman yang tinggi seringkali mencapai markah yang tinggi dalam 4 matapelajaran yang dikaji, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Seterusnya Maznah Ismail & Ng W. K. (1985) menunjukkan bahawa lokus kuasa, gaya kognitif dan paras kebimbangan berkait dengan signifikan dengan pencapaian akademik murid-murid darjah 3 yang mereka kaji. Selanjutnya analisis regresi memperlihatkan bahawa di antara ketiga pemboleh ubah ini, lokus kuasa merupakan peramal pencapaian akademik yang signifikan sekali.

Phares (1976) dalam tinjauannya mengenai pertalian di antara lokus kuasa dan prestasi akademik, menyatakan bahawa pada amnya data menyokong hipotesis bahawa lokus kuasa dalaman bertalian dengan kejayaan akademik.

Minat kajian juga tertumpu kepada faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi perkembangan sifat lokus kuasa dalaman kanak-kanak. Antara faktor ini adalah paras sosio-ekonomi keluarga dan corak pemeliharaan yang ibu bapa amalkan. Lefcourt (1982) melaporkan perhubungan yang positif di antara paras sosio-ekonomi dengan lokus kuasa. Iaitu paras sosio-ekonomi yang tinggi berkaitan dengan signifikan dengan lokus kuasa dalaman dan sebaliknya. Seterusnya ibu bapa yang bersifat mesra, yang tidak begitu mengongkong anak-anak mereka dan sebaliknya memberi mereka peluang untuk berdikari, memberi mereka cadangan bukan arahan dan mempunyai pandangan yang positif terhadap anak-anak mereka seringkali mempunyai anak-anak yang berorientasikan lokus kuasa dalaman. Swick & Graves (1986) membayangkan sifat-sifat ini dalam ibu bapa adalah berkaitan dengan kecenderungan mereka untuk mempunyai orientasi dalaman. Didapati ibu bapa-ibu bapa ini mempunyai kesan yang positif terhadap anak-anak mereka. Misalnya penglibatan mereka dalam pembelajaran anak-anak mereka meningkatkan penguasaan kemahiran anak-anak mereka. Selanjutnya Swick & Graves (1986) berkata yang lebih penting adalah penguasaan strategi-strategi pembelajaran oleh anak-anak itu hasil bimbingan dari ibu bapa mereka yang menjadi model untuk dicontohi.

Dengan ringkasnya hasil-hasil kajian menyarankan orientasi lokus kuasa dalaman adalah satu gagasan personaliti yang berguna untuk menjelaskan variasi dalam prestasi di sekolah. Sehubungan dengan ini faktor latarbelakang murid sering muncul sebagai penentu penting perkembangan lokus kuasa dalaman.

Laporan berikut melaporkan kajian yang lebih luas tentang pertalian di antara sifat lokus kuasa dalaman dengan pencapaian akademik murid-murid darjah tiga sekolah kebangsaan di Malaysia.

### **Alat Pengukuran Lokus Kuasa**

Berbagai alat pengukuran telah direka untuk mengukur lokus kuasa. Salah satu daripadanya ialah 'The Crandall Intellectual Responsibility Questionnaire' (IAR) (Crandall & Rakan-Rakan, 1965) yang mengukur lokus kuasa dalaman. Alat ini direka khas untuk murid-murid sekolah dengan tujuan untuk menilai tanggapan mereka terhadap pertalian kesan-sebab mengenai peristiwa-peristiwa dalam konteks pembelajaran di sekolah. Punca kuasa dalaman merujuk kepada diri murid itu sendiri sementara punca kuasa luaran merujuk kepada mereka yang mempunyai hubungan harian dengan murid itu; contoh, ibu bapa dan guru.

Alat ini mengandungi 34 pasangan kenyataan. Tiap-tiap pasangan kenyataan terdiri dari satu kenyataan yang merujuk kepada orientasi lokus kuasa dalaman dan satu kenyataan yang merujuk kepada orientasi lokus kuasa luaran. Juga 17 pasangan kenyataan ini merujuk kepada pengalaman positif dan yang 17 lagi merujuk kepada pengalaman negatif. Murid-murid dikehendaki memilih antara dua kenyataan ini dan diberi satu mata bagi tiap-tiap jawapannya yang merujuk kepada orientasi lokus kuasa dalaman. Tiga jenis markat dapat dihasilkan, iaitu I+ yang merupakan submarkat berdasarkan jawapan kepada

kenyataan-kenyataan positif; I- yang merupakan submarkat dari jawapan kepada kenyataan negatif, dan I(total) yang merupakan jumlah I+ dan I-. Markat yang tinggi mencerminkan seorang yang bersifat kuasa dalaman (internal locus of control), iaitu seorang yang berkecenderungan mempercayai bahawa ganjaran yang diterimanya berpunca dari tingkah lakunya sendiri. Sementara itu markat yang rendah menandakan sifat lokus kuasa luaran (external locus of control), iaitu kecenderungan mempercayai bahawa apa yang berlaku pada diri tidak dapat dikaitkan dengan kelakuan sendiri.

Alat pengukuran ini telah diterjemah dan digunakan dalam kajian yang lebih awal (Maznah Ismail, 1984). Sampelnya terdiri dari 729 murid-murid darjah 3 dari sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia. Kebolehpercayaan bahagi dua (split-half reliability) bagi submarkat I+ dan I- telah dikira. Nilai pertalian yang didapati adalah .43 bagi I+ dan .47 bagi I-. Sementara itu kebolehpercayaan uji-uji semula yang dibuat selepas satu bulan kepada satu sampel kecil adalah .61 bagi I(total); .47 bagi I+ dan .48 bagi I-. Nilai bagi I+ dan I- agak rendah sedikit jika dibandingkan dengan nilai yang didapati oleh Crandall (Crandall & Rakan-Rakan, 1965). Namun demikian nilai bagi I(total) agak serupa dengan yang didapati oleh Crandall (Crandall & Rakan-Rakan, 1965).

Selanjutnya nilai pertalian antara markat IAR dengan markah keseluruhan berdasarkan pencapaian dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains adalah seperti berikut:

.52 bagi I(total); .49 bagi I+ dan .38 bagi I-.

## **METODOLOGI**

### **Sampel**

Sampel kajian ini terdiri dari 4723 orang murid darjah 3 dari seluruh Malaysia. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri murid ini. Maklumat tentang ciri murid termasuklah maklumat tentang kesihatan murid itu; sama ada pernah mendapat pendidikan pra sekolah; jenis bimbingan dari ibu bapa/penjaga; tempat tinggal (bandar/luar bandar); akomodasi (tinggal dengan ibu bapa/penjaga); dan pekerjaan ibu bapa. Dalam kajian ini pekerjaan ibu bapa digunakan sebagai penunjuk paras sosio-ekonomi keluarga.

Jumlah murid-murid untuk beberapa ciri tidak sama dengan jumlah sampel keseluruhan kerana data tentang ciri-ciri ini tidak semuanya lengkap.

### **Alat Pengukuran**

Alat pengukuran 'The Crandall Intellectual Achievement Responsibility' (IAR) telah digunakan bagi mengukur sifat lokus kuasa dalaman. Alat ini telah digunakan dalam kajian awal dan prosedur menyesuaikan alat ini untuk digunakan kepada sampel di Malaysia telah dijelaskan dalam kajian itu (Maznah Ismail, 1984).

**Jadual 1: Ciri-Ciri Murid**

Ciri Murid	Bilangan
Jantina:	
Lelaki	2429
Perempuan	2294
Keadaan kesihatan:	
Amat memuaskan	1114
Memuaskan	3359
Tidak memuaskan	209
Pendidikan Tadika:	
Tiada	2975
Tiada	1723
Bimbingan dari ibu bapa/penjaga:	
Sistematik	684
Bila perlu saja	2175
Jarang	1262
Tiada	564
Tempat	
Bandar	2238
Luar bandar	2497
Akomodasi (Tinggal bersama):	
Ibu bapa	4317
bapa	30
Ibu	200
Penjaga	154
Lain-lain	15
Pekerjaan bapa/Penjaga:	
Perniagaan besar	130
Kumpulan ikhtisas	290
Perniagaan kecil	635
Kumpulan separa ikhtisas	639
Buruh	1855
Petani	133
Tidak bekerja	113

## Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik murid berdasarkan markah peperiksaan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik.

### Prosedur

Murid-murid menjawab soalselidik IAR secara kumpulan kecil. Tiap-tiap murid diberi satu set soalselidik ini. Item-item dalam soalselidik ini juga disampaikan melalui pita kaset. Dengan cara ini dijangka dapat mengurangkan ketidakseragaman dalam penyampaian. Urusan mentadbirkan soalselidik IAR dikendalikan oleh pembantu-pembantu penyelidik yang telah dilatih untuk tujuan ini.

### Analisis

Min dan sisihan piawai dikira untuk keseluruhan sampel dan untuk sub-sampel. Korelasi di antara semua pembolehubah juga dikira. Dalam laporan ini markat IAR yang digunakan adalah markat besar iaitu I(total). Ini adalah kerana tumpuan laporan ini adalah kepada kecenderungan am dan tidak kepada yang spesifik, iaitu sama ada bercorak positif atau negatif. Lagipun kajian awal menunjukkan korelasi yang agak tinggi di antara I+ dan I-, iaitu .39 (Maznah Ismail, 1984).

Untuk membandingkan pencapaian akademik, murid-murid dikelompokkan ke dalam tiga kumpulan berdasarkan markat IAR mereka. Ketiga-tiga kumpulan ini adalah kumpulan IAR tinggi, kumpulan IAR sederhana dan kumpulan IAR rendah.

## HASIL

Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piawai markat IAR untuk keseluruhan sampel.

**Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Markat IAR**

	Markat IAR (N = 4723)
Min	23.41
Median	23.72
Mode	26.00
Sisihan Piawai	4.40

Markat maksimum adalah 34. Maka pada amnya bolehlah dikatakan sampel ini cenderung ke arah sifat lokus kuasa dalaman.

### Korelasi Di Antara IAR Dan Pembolehubah-Pembolehubah

Jadual 3 menunjukkan korelasi di antara markat IAR dengan beberapa pembolehubah. Nilai korelasi yang didapati adalah di antara .01 dan .42. Korelasi di antara markat IAR dengan pencapaian akademik adalah lebih tinggi daripada korelasi di antara IAR dengan pembolehubah ciri murid.

Semua korelasi di antara markat IAR dan pembolehubah-pembolehubah adalah signifikan pada paras  $p < 0.05$  atau paras lebih tinggi kecuali korelasi di antara markat IAR dan Akomodasi.

**Jadual 3: Korelasi Di antara IAR dan Pembolehubah-Pembolehubah**

Pembolehubah	Markat IAR
Ciri Murid:	
Jantina	0.02*
Kesihatan	0.04**
Pendidikan Tadika	0.07**
Bimbingan	0.02*
Tempat	0.23**
Akomodasi	0.01
Pekerjaan ibu bapa/penjaga	0.07**
Pencapaian Akademik Murid:	
Bahasa Malaysia	0.25**
Bahasa Inggeris	0.31**
Matematik	0.42**

\* bererti  $p < 0.05$

\*\* bererti  $p < 0.001$

### Ciri Murid

Jadual 4 memperlihatkan perbezaan di antara murid-murid berdasarkan beberapa ciri mereka.

Jelas kelihatan murid-murid perempuan cenderung mempunyai lebih sifat lokus kuasa dalaman daripada murid-murid lelaki.

Dari segi kesihatan pula, murid-murid yang sihat lebih bersifat kuasa dalaman daripada murid-murid yang kurang sihat.

**Jadual 4: Markat IAR Mengikut Ciri Murid**

Ciri Murid	Markat IAR	
	Min	S.P.
Jantina:		
Lelaki	23.09	4.53
Perempuan	23.75	4.22
Tempat:		
Bandar	23.83	4.44
Luar bandar	23.03	4.33
Keadaan Kesihatan:		
Amat memuaskan	24.29	4.10
Memuaskan	23.23	4.44
Tidak memuaskan	21.85	4.58
Pendidikan tadika:		
Ada	23.87	4.23
Tiada	22.63	4.78
Bimbingan:		
Sistematik	24.38	4.30
Bila perlu sahaja	23.72	4.20
Jarang	22.77	4.50
Tiada	22.45	4.70
Pekerjaan Bapa/Penjaga:		
Perniagaan besar	24.55	3.91
Kumpulan ikhtisas	24.54	4.10
Perniagaan kecil	24.17	4.21
Kumpulan separa ikhtisas	23.71	4.25
Buruh	23.30	4.58
Petani	22.64	4.19
Tidak bekerja	22.44	4.63

Sementara itu murid-murid yang berpengalaman pendidikan tadika lebih bersifat kuasa dalaman daripada murid-murid yang tiada pengalaman pendidikan tadika.

Jadual ini juga menunjukkan bahawa murid-murid yang mendapat bimbingan yang sistematik dari penjaga mempunyai markat lebih tinggi daripada mereka yang tidak mendapat bantuan ini dengan sistematik. Sementara itu murid-murid yang tidak mendapat apa-apa bimbingan langsung mempunyai markat IAR yang rendah sekali.



Selanjutnya murid-murid dari sekolah bandar bersifat lebih kuasa dalaman dari murid-murid dari sekolah luar bandar.

Akhir sekali murid-murid dari keluarga taraf sosio-ekonomi tinggi (berdasarkan pekerjaan bapa/penjaga) mempunyai markat IAR yang tinggi sekali. Keluarga-keluarga ini adalah keluarga "perniagaan besar" dan keluarga 'kumpulan ikhtisas'. Ini diikuti oleh murid-murid dari keluarga 'perniagaan kecil'. Sementara itu murid-murid dari keluarga petani dan penganggur mempunyai markat IAR yang rendah sekali.

Dengan ringkasnya dapat dilihat suatu pola yang jelas tentang murid-murid yang bersifat lokus kuasa dalaman. Murid-murid perempuan, mereka yang sihat, yang mempunyai pengalaman pra sekolah, yang mendapat bimbingan yang sistematik dari penjaga mereka, yang diam di bandar dan yang dari keluarga sosio-ekonomi tinggi nampaknya cenderung mempunyai persepsi bahawa hasil tingkah laku mereka sama ada kejayaan atau kegagalan dalam bidang pembelajaran berpunca dari daya usaha mereka sendiri.

### Pencapaian Akademik dan Markat IAR

Berdasarkan markat IAR mereka, murid-murid dikelompokkan dalam tiga kumpulan, iaitu kumpulan IAR tinggi, kumpulan IAR sederhana dan kumpulan IAR rendah.

**Jadual 5: Min Dan Sisihan Piawai Bagi Markat Pencapaian Akademik**

Markat IAR	Bahasa Malaysia		Bahasa Inggeris		Matematik	
	Min	S.P.	Min	S.P.	Min	S.P.
Tinggi	57.84	22.03	64.98	18.25	75.13	15.74
Sederhana	55.53	23.27	59.37	20.04	66.73	17.50
Rendah	45.63	24.80	50.64	20.61	57.22	19.47

Semua perbandingan adalah signifikan pada paras  $p < 0.000$ . Seperti yang terlihat dari Jadual 5, murid-murid dari kumpulan markat IAR yang tinggi mempunyai min yang tinggi sekali untuk ketiga-tiga mata pelajaran sementara mereka dari kumpulan markat IAR yang rendah mempunyai min yang rendah sekali. Perbezaan min kedua kelompok ini adalah sebanyak 12 mata untuk matapelajaran Bahasa Malaysia, 14 mata untuk matapelajaran Bahasa Inggeris dan 17 mata untuk matapelajaran Matematik.

Secara ringkasnya ternyata bahawa trend pencapaian dalam ketiga-tiga matapelajaran ini bertalian secara positif dengan markat IAR, iaitu murid-murid yang markat IARnya tinggi juga mereka yang mempunyai markah yang tinggi. Sebaliknya mereka dari kumpulan markat IAR rendah mempunyai markah yang rendah sekali. Sementara itu mereka dari kelompok markat IAR sederhana terletak di antara kedua kelompok ini.

## Kesimpulan

Dari hasil kajian ini dapat dilihat pertalian di antar lokus kuasa dalaman dengan pencapaian akademik. Lokus kuasa dalaman yang tinggi seringan dengan kejayaan dalam pelajaran di sekolah. Selanjutnya lokus kuasa dalaman adalah bertalian dengan beberapa aspek diri murid.

Murid-murid yang sihat, yang mendapat bimbingan yang sistematik dari ibubapanya, yang dari tahap sosio-ekonomi tinggi seringkali lebih bersifat lokus kuasa dalaman. Murid-murid perempuan mempunyai markat IAR yang lebih tinggi dari murid-murid lelaki. Akhir sekali orientasi lokus kuasa dalaman juga bertalian dengan pengalaman pra sekolah murid-murid.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian ini memperlihatkan dengan jelas pertalian yang positif di antara pencapaian akademik dan lokus kuasa dalaman. Pola yang muncul menunjukkan murid-murid yang lebih berjaya merupakan mereka yang lebih sifat kuasa dalaman. Hasil ini menyokong hasil kajian-kajian lain seperti Chance (1972); Reid & Croucher (1980); Maznah Ismail (1984). Dalam suatu tinjauan kajian-kajian yang berkaitan, Bar-tal & Bar-Zohar (1977) menyimpulkan bahawa terdapat kecondongan yang kukuh yang memperlihatkan persepsi lokus kuasa dalaman berkait dengan pencapaian akademik.

Hasil kajian ini juga menunjukkan perbezaan di antara murid lelaki dan murid perempuan, iaitu markat IAR murid-murid perempuan lebih tinggi dari markat murid-murid lelaki. Hasil ini menyerupai kecondongan yang didapati oleh Maznah Ismail (1984); dan Crandall & Rakan-rakan (1965) terutama sekali bagi murid-murid yang lebih tua. Sebenarnya perbezaan markat IAR di antara kedua jantina bukan sesuatu yang disahkan dengan muktamad. Terdapat kajian yang tidak melaporkan perbezaan ini sementara yang lain menunjukkan sama ada mereka yang lelaki atau pun yang perempuan yang mempunyai markat IAR yang lebih tinggi. Phares (1976) mengatakan tidak mudah untuk menghuraikan perbezaan markat di antara kedua jantina ini. Selanjutnya beliau berkata mungkin juga perbezaan ini dipengaruhi oleh peranan-peranan budaya (cultural roles) yang ditetapkan untuk budak-budak perempuan dan budak-budak lelaki.

Jika lokus kuasa dalaman penting bagi kejayaan akademik, soalnya apakah faktor-faktor yang mungkin berpengaruh ke atas wujudnya sifat ini. Walaupun kajian ini tidak berbentuk kesan-sebab (cause - effect), hasil yang bercorak pertalian (correlational) dapat membayangkan cirimurid dan jenis latarbelakang yang mungkin sekait dengan wujudnya sifat lokus kuasa dalaman di kalangan murid-murid. Didapati keadaan kesihatan yang baik berkait dengan lokus kuasa dalaman. Hasil ini serupa dengan dapatan-dapatan yang dilaporkan oleh Phares (1976) dan Lefcourt (1982).

Satu daripada faktor latarbelakang adalah taraf sosio-ekonomi. Hasil kajian ini memperlihatkan kecondongan taraf sosio-ekonomi tinggi kerap kali bertalian dengan lebih sifat lokus kuasa dalaman. Kecondongan ini menyerupai kecondongan yang sering kali dijumpai oleh pengkaji-pengkaji lain (misalnya Crandall & Rakan-rakan, 1965; Bar-Tal & Rakan-rakan (1980); Lefcourt, 1982; Phares, 1976).

Mungkin seperti yang dibayangkan oleh Phares (1976), dalam persekitaran yang serba-serbinya kekurangan, maka seseorang itu tidak dapat melihat bagaimana dia berupaya untuk mengawal dan mengubah keadaan hidupnya. Keadaan realiti hidupnya menghasilkan kecenderungan bersifat lokus kuasa luaran. Tetapi keadaan ini tidak semestinya merangkumi semua aspek hidup. Alat IAR bertumpuan kepada konteks pelajaran di sekolah. Ia tidak menyentuh bidang hidup lain di mana mereka dari taraf sosio-ekonomi rendah mungkin bersifat lokus *kuasa dalaman*. Dalam hal ini pandangan Phares (1976) adalah relevan bahawa tidak harus membuat sesuatu generalisasi yang melampaui sifat-sifat tertentu sesuatu alat pengukuran oleh kerana saling pengaruh antaranya dengan sifat populasi yang diuji.

Namun demikian dalam konteks pembelajaran di sekolah, jika lokus kuasa dalaman penting untuk kejayaan akademik, maka soalnya adalah apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk menggalakkan perkembangan orientasi dalaman murid-murid.

### Rujukan

- Bar-Tal, D. and Bar-Zohar, Y.:The relationship between perception of locus of control and academic achievement. *Contemporary Educational Psychology*, 1972, 2, 181-199.
- Bar-Tal, D., Kafir, Y., Bar-Zohar, Y., and Chen, M. The relationship between locus of control and academic achievement, anxiety, and level of aspiration. *British Journal of Educational Psychology*, 1980, 50, 53-60.
- Chance, J.E. Academic correlate and maternal antecedents of reinforcement. In Rotter, J. B., Chance, J.E. and Phares, E.J. *Applications of a Social Learning theory of Personality*, New York: Holt, Reinhart and Winston, 1972, 163-179.

- Crandall, V.C., Katkovsky, W. and Crandall, V.J.: Children's belief in their own control of reinforcements in intellectual - academic achievement situations. *Child Development*, 1965, 36, 91-109.
- Lefcourt, H.M.: *Locus of control current trends in theory and research*. New Jersey: Lawrence Erlbaum, 1982.
- Maznah Ismail: A study on achievement responsibility and its relationship to academic performance of a group of pupils from the rural environment. U.S.M.: *Projek InSPIRE Research Monograph Series No. 1a*, 1984.
- Maznah Ismail & Ng Wai Kong : Relationship between locus of control, cognitive style, anxiety, and academic achievement of a group of Malaysian Primary School Children. *Psychological Reports*, 1985, 57, 1127 - 1134.
- Phares, E.J. : *Locus of Control in Personality*. Morristown, N.J.: General Learning Press, 1976.
- Reid, L and Croucher, A.: The Crandall Intellectual Achievement Responsibility Questionnaire: A British validation study. *Educational and Psychological Measurement*, 1980, 40, 255-258.
- Rotter, J. B.: Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monograph 1 No. 609*. 1966.
- Swick, K.J. Graves, S.B.: Locus of control and interpersonal support as related to parenting. *Childhood Education*, 1986, 63(1), 4 - 50.
- Wolk, S. and DuCutte, J.: Intentional Performance and Incidental Learning As A Function of Personalitu and Task Dimensions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 1974, 29, 90-101.